

Agihan Zakat Terhadap Asnaf *Al-Ghārimīn* Menurut Pandangan Ulama dan Amalan Masa Kini

Zakat Distribution to Asnaf Al-Ghārimīn from the View of Scholars and Current Practices

Mohd Noor Daud & Halim Ismail

Universiti Pendidikan Sultan Idris

email: mohd.noor@fsk.upsi.edu.my

Abstrak

Kajian ini mengupas tentang agihan zakat terhadap asnaf al-Ghārimīn menurut pandangan ulama dan amalan masa kini. Kajian ini membentangkan perbahasan dalam kalangan ulama berkaitan agihan zakat terhadap asnaf al-Ghārimīn dan pelaksanaannya di Malaysia. Kajian ini dijalankan menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif dan dianalisa menggunakan metod deduktif, induktif dan perbandingan. Kajian menunjukkan bahawa agihan zakat terhadap asnaf al-Ghārimīn perlu dilaksanakan pada masa kini bagi menyelesaikan isu-isu semasa berkaitan asnaf ini.

Kata kunci: zakat, al-Ghārimīn, ulama

Abstract

This study discusses the distribution of zakat for asnaf al-Ghārimīn from the view of scholars and current practices. This paper presents the debate among scholars concerning the distribution of alms to the needy al-Ghārimīn and its implementation in Malaysia. The study was conducted using qualitative research method and analyzed using the method of deductive, inductive and comparison. Studies show that the distribution of zakat al-Ghārimīn recipients should be implemented at present to solve the current issues related to these recipients.

Keywords : zakat, al-Ghārimīn, scholars

Pendahuluan

Sistem dan konsep agihan dana zakat telah diamalkan sepanjang tempoh pemerintahan Islam. Walau bagaimanapun, masih terdapat perselisihan pendapat dalam kalangan ulama tentang tafsiran dan pelaksanaannya secara terperinci terutama dalam menghuraikan ayat agihan zakat surah al-Taubah ayat 60 (Mujaini Tarimin, 2005: 2). Untuk menunaikan amanah mengagihkan zakat dengan berkesan dan amanah, maka penentuan definisi asnaf adalah amat penting. Ini memandangkan golongan asnaf yang dinyatakan dalam al-Quran adalah umum dan perlu diperhalusi konsep pelaksanaannya (Hairunnizam Wahid *et. al.*, 2010: 144).

Isu-isu mutakhir yang berlaku khususnya berkaitan asnaf al-Ghārimīn menarik untuk diberi perhatian. Di antaranya ialah agihan zakat terhadap asnaf Al-Ghārimīn secara *al-Qard al-Hasan*, status individu muflis sebagai asnaf al-Ghārimīn dan mangsa bencana sebagai asnaf al-Ghārimīn.

Pengertian *Al-Ghārimīn*

Al-Ghārimīn dari segi bahasa adalah kata jamak *gharīm* bererti orang yang menanggung hutang. Di sebut juga *al-luzūm*, bererti seseorang yang dibebankan dengan hutang. Selain itu, *al-Ghārim* dari segi bahasa turut membawa erti azab yang pedih. (Ibn al-Athīr, t.t: 239)

Al-Ghārimīn dari segi istilah didefinisikan berbeza-beza oleh para fuqaha. Fuqaha Mazhab Hanafi mendefinisikan *al-Ghārimīn* sebagai seseorang yang memiliki hutang tetapi tidak mampu melangsakan hutang tersebut kerana tidak memiliki harta yang cukup. (Ibn Hummām, 2013: 263)

Menurut Mazhab Maliki, *al-Ghārimīn* ialah orang yang berhutang dan diberi zakat untuk melangsakan hutangnya dengan syarat dia seorang yang merdeka, muslim dan bukan keturunan Bani Hasyim. Menurut mazhab ini lagi, seseorang yang telah meninggal dunia dan meninggalkan hutang yang belum diselesaikan, maka hutang ini perlu diselesaikan oleh Baitulmal dengan menggunakan wang zakat.(Al-Dusūqī, 1996: 496)

Bagi Mazhab Syafii pula, *al-Ghārimīn* dibahagikan kepada dua golongan. Golongan pertama ialah ialah orang yang berhutang untuk maslahat dirinya sendiri, pada perkara yang baik dan bukannya maksiat, kemudian mereka tidak mampu untuk membayarnya balik sama ada dengan menukaranya dengan barang miliknya atau dengan wang. Mereka diberikan zakat agar dapat melunaskan hutangnya di atas faktor ketidakmampuannya. Kategori kedua ialah orang yang berhutang kerana melaksanakan tanggungjawab dan mendamaikan hubungan pada urusan kebaikan. Harta mereka digunakan sebagai jaminan dalam urusan tersebut. Oleh itu, golongan ini diberikan zakat pada kadar yang mencukupi bagi jaminan berbentuk harta, seperti mana diberikan kepada individu yang memerlukan daripada asraf *al-Ghārimīn* sehinggalah hutang mereka berjaya dilangsakan.(Al-Syāfi‘e, 1961: 97)

Mazhab Hanbali mempunyai persamaan definisi asraf *al-Ghārimīn* dengan Mazhab Syafii, iaitu terbahagi kepada dua kategori. Pertamanya ialah orang yang berhutang untuk kemaslahatan dirinya sendiri pada perkara yang diharuskan sekalipun membebaskan dirinya dari orang kafir. Justeru, dia boleh mengambil zakat sekiranya dia tidak mampu untuk menyelesaikan hutangnya. Keduanya ialah orang yang berhutang untuk memperbaiki hubungan manusia sekalipun antara ahli *al-dhimmah* dan dia menanggung beban tanggungjawab (*hamālah*) disebabkan kemasuhan diri atau harta atau rampasan harta kerana *diyyāt* atau harta untuk menenangkan keadaan daripada fitnah yang timbul antara dua kumpulan. Ini kerana kemaslahatan mereka terletak pada bahu orang yang menanggung tanggungjawab tersebut. Oleh itu, zakat diberikan kepadanya untuk menyelesaikan tanggungjawab tersebut sekalipun seseorang itu adalah kaya.(Al-Buhūtī, 1374H: 281-282.)

Berdasarkan pendefinisan yang telah dinyatakan oleh para fuqaha, dapat disimpulkan bahawa mereka sependapat bahawa *al-Ghārimīn* ialah orang yang menanggung hutang bagi kemaslahatan diri sendiri. Fuqaha Syafii dan Hanbali pula menyatakan bahawa termasuk juga dalam kalangan asraf *al-Ghārimīn* mereka yang berhutang demi mendamaikan hubungan sesama manusia.

Asnaf al-Ghārimīn Menurut al-Quran, Sunnah Rasulullah SAW dan Ijma' Ulama

Firman Allah SWT:

إِنَّمَا الْصَّدَقَةُ لِلْفَقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمَلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤْلَفَةِ قُلُوبُهُمْ وَفِي الْرِّفَابِ وَالْغَرَبَيْنِ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأَبْنَى السَّبِيلَ فَرِيشَةً مِنْ أَنْلَى وَأَنْلَى عَلَيْهِ حَكِيمٌ

(al-Quran, al-Taubah : 60)

Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin dan amil-amil yang mengurusnya dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekaan dirinya, dan orang-orang yang berhutang dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.(Abdullah Basmeih, 1980: 443)

Ayat di atas menunjukkan bahawa terdapat lapan asnaf zakat. Antara asnaf zakat tersebut ialah asnaf *al-Ghārimīn*. *Al-Ghārimīn* ialah golongan yang menanggung hutang dan tidak mampu membayarnya. Oleh itu, zakat diberikan kepada golongan ini bagi menampung keperluan hidupnya.(Al-Qurtūbī, 2006: 183).

Sabda Rasulullah SAW dari QabiṣahibnMakhālik al-Hilālī:

تَحْمَلُتْ حَمَالَةً فَأَتَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَسْأَلَهُ فِيهَا فَقَالَ أَقْمَ حَتَّى تَأْتِيَ الصَّدَقَةُ فَأَمْرَأْتُ لَكَ بِهَا قَالَ ثُمَّ قَالَ يَا فَيْصَةُ إِنَّ الْمَسْأَلَةَ لَا تَحْلُ إِلَّا لِأَحَدٍ ثَلَاثَةُ رَجُلٌ تَحْمَلُ حَمَالَةً فَحَلَتْ لَهُ الْمَسْأَلَةُ حَتَّى يُصِيبَهَا ثُمَّ يُمْسِكُ وَرَجُلٌ أَصَابَتْهُ حَائِثَةً اجْتَاهَتْ مَالَهُ فَحَلَتْ لَهُ الْمَسْأَلَةُ حَتَّى يُصِيبَ قَوَاماً مِنْ عَيْشٍ أَوْ قَالَ سَدَادًا مِنْ عَيْشٍ وَرَجُلٌ أَصَابَتْهُ فَاقَةً حَتَّى يَقُومُ ثَلَاثَةً مِنْ ذَوِي الْحِجَاجِ مِنْ قَوْمِهِ لَقَدْ أَصَابَتْ فُلَانًا فَاقَةً فَحَلَتْ لَهُ الْمَسْأَلَةُ حَتَّى يُصِيبَ قَوَاماً مِنْ عَيْشٍ أَوْ قَالَ سَدَادًا مِنْ عَيْشٍ فَمَا سِواهُنَّ مِنَ الْمَسْأَلَةِ يَا فَيْصَةُ سُخْنًا يَأْكُلُهَا صَاحِبُهَا سُخْنًا

(al-Muslim, Al-Jāmī' al-Ṣāḥīḥ, jil.5.1992:1730)

Terjemahannya: Aku sedang menanggung sebuah beban (seperti hutang) lalu aku datang kepada Rasulullah SAW untuk bertanya kepada baginda tentangnya. Rasulullah menjawab: "Tunggulah sehingga ada orang datang kepada kami memberi sedekah. Aku akan menyuruh mereka bersedekah kepada engkau." Kemudian Rasulullah menyambung: Wahai Qabiṣah, Sesungguhnya perkara ini (meminta sedekah), tidaklah ia halal kecuali terhadap salah satu daripada tiga sebab berikut. Seseorang yang memikul beban yang berat, maka dihalalkan baginya meminta sedekah sehingga dia dapat mencukupi dirinya sendiri, kemudian dia berhenti (dari meminta). Dan seseorang yang ditimpa musibah yang menghabiskan hartanya, maka dihalalkan baginya menerima sedekah sehingga dia dapat mencukupi keperluan hidupnya. Dan seseorang yang ditimpa kesulitan sehingga disaksikan oleh tiga orang dari kaumnya: "Sungguh dia ditimpa kesulitan." Maka dihalalkan baginya sedekah sehingga dapat mencukupinya. Selain yang tiga ini, jika seseorang meminta sedekah, wahai Qabiṣah, adalah haram, peminta tersebut sama dengan orang yang memakan barang haram.

Hadis di atas menerangkan bahawa sesiapa yang menanggung hutang seperti mencukupkan keperluan hidup sehari-hari atau orang yang berhutang kerana ingin mendamaikan puak-puak yang bertelahah layak menerima zakat dengan syarat hutang tersebut bukan untuk tujuan maksiat. (*Al-Nawawi*, 676H:496).

Ulama telah bersepakat tentang pensyariatan agihan zakat terhadap asnaf *al-Ghārimīn* dan tiada yang menafikannya. (IbnMundhir, 2004: 47, Al-Qurṭubī, 2006: 184). Ulama telah membahagikan asnaf *al-Ghārimīn* kepada tiga kategori:

Orang yang Menanggung Hutang untuk Kemaslahatan Dirinya

Asnaf *al-Ghārimīn* bagi kategori ini termasuklah mereka yang menanggung hutang perkahwinan, perubatan, membina rumah, membeli perabot rumah, nafkah ahli keluarga meliputi makanan, minuman, pakaian dan seumpamanya. Termasuk juga mereka yang kehilangan harta dan sumber pencarian hidup dan orang yang ditimpa bencana alam seperti banjir, gempa bumi, ribut dan kebakaran. (Al-Syarqāwī, 2015: 392).

Golongan ini layak menerima zakat bagi menampung hutang mereka. Walau bagaimanapun, jika mereka ditimpa musibah tetapi tidak berhutang, golongan ini tidak dikategorikan sebagai asnaf *al-Ghārimīn*, sebaliknya dikategorikan sebagai asnaf fakir dan miskin. Oleh itu, mereka diberi zakat di bawah kategori asnaf fakir dan miskin. (Al-Jaṣāṣ, 320H: 328)

Orang yang Menanggung Hutang untuk Kemaslahatan Orang Lain.

Asnaf *al-Ghārimīn* yang berhutang untuk kemaslahatan orang lain ialah mereka yang berhutang untuk mendamaikan sesama manusia. Contohnya ialah mereka berhutang untuk mendamaikan percaduhan, permusuhan, pertumpahan darah atau kehilangan harta benda. Golongan ini terpaksa berhutang untuk mengelakkan berlakunya krisis-krisis tersebut. Tindakan ini merupakan suatu kebaikan yang utama dan perlu dibantu menggunakan dana zakat. Termasuk juga dalam kategori ini ialah mereka yang berhutang untuk melaksanakan projek-projek yang membawa kebaikan kepada umat Islam seperti membina masjid, rumah tamu, sekolah, hospital, sistem perparitan, tembok pertahanan dan sebagainya. (IbnHummām, 2013: 205, Al-Qurṭubī, 2006: 184, Al-Nawawi, 1964: 189, Al-Ardubailī, 1427H: 217)

Orang yang menanggung hutang dalam bentuk jaminan

Al-Ghārimīn yang menanggung hutang dalam bentuk jaminan (*daman*) ialah seseorang yang menjamin seseorang yang lain dalam sesuatu urusan. Ini boleh berlaku dalam empat keadaan (Al-Nawawi, 2001: 222, Al-Nawawi, 1991: 181, Al-Buhūtī, 1982: 105, Al-Mardāwī, 1375H: 233):

1. Penjamin (*dāmin*) dan orang yang dijamin (*madmun ‘anhu*) kedua-duanya berada dalam keadaan yang miskin. Oleh itu, diberikan zakat kepada orang yang menjamin bagi melangsakan hutangnya. Terdapat juga pandangan dalam kalangan Fuqaha Syafii yang mengharuskan agihan zakat kepada orang yang dijamin.
2. Kedua-duanya (penjamin dan orang yang dijamin) dalam kalangan orang yang kaya. Dalam situasi ini, kedua-duanya tidak diberi zakat.
3. Orang yang dijamin berkeadaan kaya dan orang yang menjamin dalam keadaan susah. Sekiranya dijamin dengan keizinannya, tidak diberi zakat kerana manfaat zakat akan diperolehinya semula (orang yang dijamin). Jika tanpa keizinannya, layak diberi zakat.

4. Orang yang dijamin dalam keadaan susah dan orang yang menjamin dalam keadaan senang. Dalam situasi ini, diberi zakat kepada orang yang dijamin dan tidak diberi kepada penjamin.

Syarat Agihan Zakat Terhadap Asnaf *al-Ghārimīn*

Terdapat beberapa syarat yang diletakkan oleh fuqaha bagi agihan zakat terhadap asnaf *al-Ghārimīn*. Berikut ialah syarat-syarat tersebut:

1. Tidak Memiliki Harta untuk Membayar Hutangnya

Seseorang yang berhutang untuk kemaslahatan dirinya mestilah memerlukan bantuan zakat dengan tidak memiliki harta untuk membayar hutangnya (Al-Nawawī ,2001: 219) Jika dia memiliki harta bagi melupuskan sebahagian hutangnya, maka zakat diberi kepadanya bagi menyelesaikan sebahagian lagi hutang yang tidak mampu dilangsikannya. Contohnya jika dia berhutang sebanyak 40 dinar dan dia memiliki hanya 20 dinar. Zakat tidak akan diberikan kepadanya melainkan setelah dia membayar 20 dinar kepada pemutang. Dengan itu, baharulah dia tergolong di dalam asnaf *al-Ghārimīn* dan layak mendapat bantuan zakat. (Al-Kharsy, 1101H: 218)

2. Hutang Dalam Perkara yang Diharuskan Syarak

Syarat agihan zakat terhadap asnaf *al-Ghārimīn* ialah hutang tersebut dilakukan dalam perkara-perkara yang diharuskan syarak. Berhutang dalam urusan maksiat seperti untuk tujuan minum arak, judi, zina dan bermewah-mewahan tidak layak menerima zakat asnaf *al-Ghārimīn*. Jika dibantu dengan dana zakat, ini akan menggalakkan mereka untuk terus melakukan maksiat. (Al-Kharsy, 1101H: 218).

Contoh bermewah-mewahan ialah seseorang yang sudah memiliki rumah yang munasabah dengan kemampuannya, kemudian membeli rumah yang lebih besar dan luas. Begitu juga seseorang yang menjual kenderaannya untuk membeli kenderaan model terbaru atau menambah perabot rumahnya dengan perabot yang lebih mewah. Semua itu dilakukan secara berhutang. Ulama berpendirian bahawa diberikan zakat kepada asnaf *al-Ghārimīn* untuk melangsakan hutang mereka pada tujuan yang diharuskan syarak dan bukan untuk tujuan maksiat. Sikap berlebih-lebih dalam berbelanja adalah haram. (Al-Husainī, 1994: 123)

3. Hutang Tersebut Boleh Menyebabkan Penghutang Dikurung atau Dipenjarakan

Antara syarat agihan zakat asnaf *al-Ghārimīn* ialah hutang yang ditanggung oleh penghutang tersebut boleh menyebabkannya dikurung atau dipenjarakan. (Al-Dusūqī, 1996: 496).

4. Hutang Tersebut Mestilah Hutang Semasa

Fuqaha menetapkan syarat hutang tersebut mestilah hutang semasa yang perlu dijelaskan dan bukannya hutang yang tertangguh. (Al-Mirghanānī, 2000: 283)

5. Beragama Islam

Jumhur Ulama sepakat bahawa diberikan zakat asnaf *al-Ghārimīn* kepada umat Islam sahaja. Zakat tidak boleh diberikan kepada orang kafir meskipun kafir *dhimmī*.(Al-Dusūqī, 1996: 497, Al-Nawawī, 2001: 206, IbnQudāmah, 2004: 700, Al-Balkhī, 1310H : 188)

Kadar Agihan Zakat Asnaf *al-Ghārimīn*

Kadar agihan zakat terhadap asnaf *al-Ghārimīn* tidak dinyatakan secara khusus di dalam nas-nas yang ada. Kadar agihan adalah berbeza antara keperluan setiap asnaf, bergantung kepada jumlah hutang individu tersebut. Fuqaha sepakat bahawa zakat diagihkan terhadap asnaf *al-Ghārimīn*

sama ada untuk kemaslahatan diri atau orang lain. Jumlah agihan mestilah mampu menampung keperluan hidupnya dan melunaskan hutangnya. Bantuan itu mestilah melepaskan tanggungannya (*dhimmah*) terhadap orang lain sehingga pemutang itu tidak lagi menuntut hutangnya. Jumlah itu juga mestilah tidak melebihi kadar keperluan hutangnya. (IbnHummām, 2013: 252, Al-Dusūqī, 1996:496, Al-Nawawī, 2001: 208, Al-Buhūtī, 1982: 105)

Kaedah agihan zakat terhadap asnaf *al-Ghārimīn*

Terdapat dua kaedah agihan zakat terhadap asnaf *al-Ghārimīn*:

1. Pemilik harta yang ingin mengeluarkan zakat boleh mengagihkan sendiri zakat terhadap asnaf *al-Ghārimīn* ataupun melalui wakilnya. Jika pemilik harta ingin membayar zakatnya kepada asnaf *al-Ghārimīn*, beliau perlu menyerahkan harta tersebut kepada penghutang supaya dapat dibayar kepada pemutang. Jika pemilik harta ingin mengeluarkan zakat secara terus kepada pemutang, terdapat dua pandangan daripada Imam Ahmad (IbnQudāmah, 2004: 481)

Pandangan pertama mengharuskannya kerana mengeluarkan zakat kepada pemutang sama seperti memberikannya kepada penghutang, iaitu bertujuan untuk melunaskan hutang. Pandangan kedua tidak mengharuskannya. Imam Ahmad berkata: Aku lebih suka supaya zakat diserahkan kepada penghutang supaya dia sendiri yang membayarnya. (IbnQudāmah, 2004: 481)

Menurut Imam Nawawi (2001), tidak harus bagi pemilik harta mengeluarkan zakat terus kepada pemutang tanpa keizinan penghutang. Sekiranya dilakukan, ia tidak dikira sebagai mengeluarkan zakat. Walau bagaimanapun, hutang tersebut dianggap telah dibayar. (h. 223)

2. Imam atau wakilnya diberi tauliah mengagihkan zakat. Dalam kaedah ini, seseorang Imam atau wakilnya berhak untuk mengagihkan zakat kepada asnaf *al-Ghārimīn* untuk diberi kepada pemutangnya atau berhak untuk terus melangsangkan hutang tersebut tanpa melalui asnaf *al-Ghārimīn*. (Al-Mardāwī 1375H: 234, Al-Buhūtī, 1982: 330)

Masalah berkaitan asnaf *al-Ghārimīn*

1. Agihan Zakat Terhadap Asnaf *Al-Ghārimīn* Secara *Al-Qard al-Hasan*

Ulama kontemporari berselisih pendapat tentang keharusan menggunakan dana zakat sebagai *al-Qard al-Hasan* terhadap asnaf *al-Ghārimīn*.

- i. Harus memberikan *al-Qard al-Hasan* terhadap asnaf *al-Ghārimīn* menggunakan dana zakat. Antara ulama yang menyokong kaedah ini ialah Imam Abu Zuhrah (1991), Yūsuf al-Qaraḍāwī (1999), ‘AbdulHamīdIbrahīmī (1997), HasanUthman‘Abdullah (1989) dan Khalid Abdul Razāk al-‘Āni (1999). Antara hujah pagi pandangan ini ialah asnaf *al-Ghārimīn* diberi zakat tanpa perlu membayarnya. Oleh itu, lebih utama diberikan zakat jika dia mampu membayarnya. Ini dapat mengelakkan mereka terlibat dengan pembentukan riba oleh bank-bank konvensional. Wujud persamaan antara orang yang berhutang (*al-Mustaqrīdīn*) dan orang yang berhutang (*al-Ghārimīn*). *Qiyās* ini memenuhi *maqaṣid* Islam dengan menubuhkan dana khas *al-Qard al-Hasan* bagi mengelakkan riba. (Al-Qaraḍāwī, 1999 :420)

Selain itu, di dalam al-Quran surah al-Taubah ayat 60, Allah SWT menggunakan kalimah ‘fi’ bagi asraf *al-Ghārimīn*, *al-Riqāb*, *fīsabīlillahdān Ibn al-Sābil*. Ini berbeza dengan kalimah ‘li’ bererti pemilikan pada empat asraf yang pertama. Ini bererti pemilikan zakat asraf *al-Ghārimīn* bukanlah pemilikan yang sepenuhnya berbanding empat asraf yang pertama. (Al-Qaraḍāwī, 1999 :420)

Situasi masa kini turut mendorong keperluan dilaksanakan *al-Qard al-Hasan* terhadap asraf zakat. Antaranya ialah faktor kekurangan dana zakat. Masalah ini wujud akibat kelemahan pentadbiran negara-negara Islam menyebabkan kekurangan kesedaran membayar zakat dalam kalangan individu muslim. Selain itu, bercambahnya institusi-institusi kewangan berasaskan riba menyebabkan ramai yang terlibat dengan belenggu riba. Hal ini menyebabkan institusi kewangan yang menawarkan *al-Qard al-Hasan* sangat sukar ditemui. (Al-Qaraḍāwī, 1999 :420)

- ii. Terdapat pandangan bahawa dana zakat tidak boleh disalurkan dalam bentuk *al-Qard al-Hasan*. Hujah bagi pandangan ini ialah asraf *al-Ghārimīn* merupakan golongan yang memulakan hutang. Peranan agihan zakat ialah untuk menyelesaikan hutang asraf dan bukannya untuk memulakan hutang yang baharu. Memberi pinjaman kepada asraf tidak dapat menyelesaikan masalah hutang dalam kalangan asraf. Hal ini kerana kitaran zakat tidak sama dengan kitaran pinjaman. Tabung *al-Qard al-Hasan* boleh diwujudkan oleh institusi *khairāt* selain zakat seperti institusi sedekah, wakaf dan sebagainya. (Al-Maṣrī, 2005: 13)

Menurut pengkaji, kedua-dua pandangan ini mempunyai persamaan tentang keperluan agihan zakat secara *al-Qard al-Hasan* terhadap asraf *al-Ghārimīn* melalui tabungan tersendiri, sama ada tabungan oleh institusi zakat ataupun institusi *khairāt* yang lain. Pengkaji memilih pandangan pertama yang mengharuskan dana zakat asraf *al-Ghārimīn* diaghikkan dalam bentuk *al-Qard al-Hasan*. Ini memandangkan kaedah agihan ini menepati *maqāṣid* pensyariatan zakat untuk saling bantu-membantu dalam perkara kebaikan dan ketakwaan seperti firman Allah SWT:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالْتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعَدْوَىٰ

(al-Quran, al-Maidah : 2)

Terjemahannya: Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebaikan dan bertakwa dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat). (Abdullah Basmeih, 1980: 243)

Di dalam ayat ini, Allah SWT memerintahkan supaya bertolong bantu dalam melakukan kebaikan dan taqwa dan tidak bertolongan dalam perkara dosa dan maksiat. Perintah Allah SWT ini meliputi semua makhluk. Allah SWT meletakkan kalimah kebaikan bersama-sama takwa kerana tujuan takwa ialah untuk mencapai redha Allah SWT dan tujuan kebaikan ialah untuk mencapai redha manusia. Apabila kedua-duanya, digabungkan, kebahagian hidup manusia akan dapat dicapai. (Al-Qurṭubī, 2006:46) Oleh itu, pelaksanaan *al-Qard al-Hasan* terhadap asraf *al-Ghārimīn* adalah satu bentuk pertolongan dalam menyelesaikan masalah asraf ini.

2. Individu Muflis Sebagai Asnaf *al-Ghārimīn*

Terdapat pandangan ulama kontemporari mengharuskan agihan zakat terhadap individu muflis. Tujuannya bagi mengelakkan kemudaratannya terhadap penghutang dan pembiutang sekiranya individu ini diisyiharkan muflis oleh hakim. Menurut Syed Qutub (1970), asnaf *al-Ghārimīn* ialah orang yang berhutang bukan untuk tujuan maksiat. Golongan ini diberikan zakat untuk melangsakan hutang mereka supaya tidak tergolong dalam golongan individu muflis. (h.1670). Yūsuf al-Qarādawī(1999) pula menyatakan tentang kelebihan syariat Islam yang membantu individu yang berhutang supaya mereka bebas daripada belenggu hutang. Islam tidak membiarkan mereka terjerumus ke lembah hutang sehingga diisyiharkan muflis. Ini berbeza dengan sistem kapitalis moden yang sering mengancam para peniaga yang berhutang dengan status muflis menyebabkan mereka dilelong tanpa sebarang pertolongan.(h. 628-629).

Mahmud AbūSa'ud(1992) pula menyatakan bahawa melangsakan hutang asnaf *al-Ghārimīn* akan memberikan kesan yang positif terhadap sistem ekonomi. Hal ini kerana dalam beberapa keadaan, tindakan mengisyiharkan seseorang itu sebagai muflis akan menyebabkan pembiutang turut terheret sama dalam krisis kemuflisan. Akibatnya, ini akan memberi kesan yang negatif terhadap sistem ekonomi sesebuah negara.(h.167)

Tidak semua individu muflis layak menerima zakat di bawah asnaf *al-Ghārimīn*. Dalam konteks muflis, tujuan hutang yang menjadi punca kepada kemuflisannya harus dikenal pasti terlebih dahulu. Muflis yang beragama Islam layak menerima bantuan zakat sekiranya hutang yang dibuat di dalam perkara-perkara yang halal atau diharuskan syarak. Punca seseorang itu diisyiharkan muflis menjadi antara kriteria utama dalam menentukan kelayakannya untuk menerima zakat di bawah asnaf *al-Ghārimīn*. Oleh itu, tidak semua muflis layak menerima zakat di bawah asnaf *al-Ghārimīn* kerana kelayakan menerimanya bergantung kepada sebab atau punca hutang. Sekiranya muflis menanggung beban hutang kerana membiayai mana-mana keperluan asasi bagi diri dan tanggungannya, individu tersebut dikira layak menerima zakat. Muflis juga layak menerima zakat sekiranya menanggung beban hutang kerana menjaga kepentingan masyarakat dan ummah. (RaziahMd Tahir et.al, 2014: 489-490)

3. Mangsa Bencana Sebagai Asnaf *Al-Ghārimīn*

Termasuk dalam kategori *al-Ghārimīn* ialah mereka yang kehilangan harta dan sumber pencarian hidup serta orang yang ditimpa bencana alam seperti banjir, gempa bumi, ribut dan kebakaran.(Al-Syarqāwī, 2015: 392) Golongan yang ditimpa musibah ini layak menerima agihan zakat berdasarkan kerugian yang dialami bagi menampung hutang yang ditanggung. Jika mereka tidak berhutang, mereka layak menerima agihan zakat asnaf fakir dan miskin.(Al-Syāfi'e, 1961: 72)

Yūsuf al-Qarādawī (1999) telah membuat perbandingan antara sistem zakat yang diperkenalkan oleh Islam dan sistem insurans konvensional barat. Menurut beliau, sistem zakat merupakan satu bentuk *al-Ta'mīn al-Ijtīmā'i* (insurans kemasyarakatan) dalam menghadapi bencana dan kecemasan. Sistem ini diperkenalkan terlebih dahulu oleh Islam sebelum barat melaksanakannya. Insurans yang dilaksanakan oleh Islam menerusi sistem zakat ini lebih baik, sempurna dan menyeluruh berbanding sistem insurans konvensional yang diperkenalkan oleh barat pada hari ini. Sistem insurans barat hanya memberi pampasan kepada pencarum yang mencarum sejumlah premium tertentu kepada syarikat insurans tertentu. Para pencarum menerima pampasan berdasarkan jumlah caruman yang dibayar dan bukan berdasarkan jumlah kerugian yang dialami dan keperluan meneruskan kehidupan. Peserta insurans yang mencarum dengan kadar yang lebih banyak akan menerima pampasan yang lebih banyak dan begitulah sebaliknya. Hal ini kerana asas sistem insurans barat ialah perniagaan untuk mengaut keuntungan daripada para pencarum. Sistem insurans Islam (zakat) pula tidak memerlukan sebarang caruman

premium oleh peserta. Agihan bantuan yang diberi adalah berdasarkan keperluan dan kerugian yang dialami oleh mangsa bencana. (h. 623-624)

Mangsa banjir layak menerima bantuan zakat berdasarkan kaedah '*al-darūrah tuqaddar biqadarihā*'. Jumlah bantuan pula meliputi keperluan asas kehidupan termasuk menyediakan rumah kediaman, memperbaiki infrastruktur, dan membaik pulih ladang sebagai punca pendapatan. Pusat Zakat boleh terlibat secara langsung dalam usaha untuk membaik pulih infrastruktur demi kebajikan seluruh masyarakat. Dana zakat hendaklah diberikan kepada golongan asnaf yang tertentu sahaja. Ia dikenali sebagai asnaf lapan ataupun asnaf zakat yang kebanyakannya mempunyai persamaan kriteria iaitu keadaan yang sangat memerlukan kepada sesuatu. Dalam keadaan banjir, mangsa banjir merupakan golongan yang berada dalam keadaan terdesak dengan berbagai-bagai hambatan. Oleh yang demikian, agihan secara adil amatlah penting dalam memastikan setiap hak asnaf terbela. Prinsip wang zakat yang diagih mengikut keperluan semasa asnaf mestilah tidak melebihi 1/8 bagi setiap asnaf. Bahagiannya boleh berbeza mengikut keperluan serta mengikut golongan yang diutamakan dan yang boleh dikemudiankan. Contohnya bagi mangsa banjir yang mengalami kerugian yang berbeza-beza. Ada diantara mereka yang hanya kehilangan sumber pendapatan tetapi masih mempunyai tempat tinggal dan ada dalam kalangan mereka yang tinggal sebatang kara. Dalam keadaan inilah memerlukan agihan tersebut dilakukan dengan segera selepas dikenalpasti layak menerima zakat, bergantung kepada pihak pengurusan zakat di negeri masing-masing. (Siti Fariza Muhammad Fisalet.al, 2015: 18-19)

Asnaf *Al-Ghārimīn* Menurut Peraturan-Peraturan Zakat Negeri-Negeri Di Malaysia

Di Malaysia, beberapa buah negeri telah memperuntukkan peraturan-peraturan dan fatwa-fatwa tentang agihan zakat asnaf *al-Ghārimīn*. Antaranya ialah di Negeri Selangor, Negeri Sarawak dan Negeri Terengganu.

1. Negeri Selangor

Warta Kerajaan Negeri Selangor bertarikh 7 Oktober 2004 Fatwa di bawah Seksyen 47 "Masail Asnaf *al-Ghārimīn* dan Penyelesaiannya". Enakmen ini menyatakan : Takrif *al-Ghārimīn* mengikut ulama Mazhab Syafii dan Hanbali ialah orang yang berhutang sama ada hutang untuk dirinya sendiri atau hutang untuk orang lain dan sama ada hutang ini bertujuan untuk melakukan sesuatu kebaikan (taat kepada Allah SWT). Syarat-syarat terhadap *al-Ghārimīn* yang perlu mendapat bantuan adalah seperti berikut:

- i. Pemohon tidak mempunyai harta atau sumber kewangan yang melebihi keperluan asasnya.
- ii. Pinjaman yang dibuat di dalam perkara-perkara yang halal dan harus.
- iii. Wujud keperluan menyelesaikan hutang dengan segera.
- iv. Wujudnya kemudarat terhadap diri dan keluarga jika hutang tidak dibayar.
- v. *Al-Ghārimīn* yang berhutang untuk menyelesaikan permasalahan asasi seperti kesihatan, pelajaran diperingkat rendah dan menengah, makanan, tempat perlindungan sementara dan segala hutang untuk meninggikan martabat agama dibantu terus dari peruntukan asnaf *al-Ghārimīn* tanpa melihat kepada jumlah yang ditanggung.
- vi. *Al-Ghārimīn* yang berhutang untuk menyelesaikan permasalahan selain dari syarat (5) yang disebutkan di atas dibantu dari peruntukan asnaf *al-Ghārimīn* secara *al-Qard al-Hasan* dan wajib menjalani tempoh pemulihan. (Warta Kerajaan Negeri Selangor bertarikh 7 Oktober 2004 Fatwa di bawah Seksyen 47 "Masail Asnaf *al-Gharimin* dan Penyelesaiannya")

2. Negeri Sarawak

Mesyuarat Lembaga Fatwa Negeri Sarawak Kali Ke Tujuh Belas, yang bersidang pada 13 Julai 2010M/ 1 Syaaban 1431H telah membincangkan mengenai Hukum Pengeluaran Dan Penerimaan

Zakat Bagi Yang Telah Diisyiharkan Muflis. Mesyuarat telah membuat keputusan seperti berikut:

- i. Apabila seseorang telah diisyiharkan sebagai muflis disebabkan hutang yang ditanggung melebihi harta yang dimiliki, maka tiada zakat yang dikenakan kerana harta yang ada telah disekat untuk melunaskan hutang semasa.
- ii. Seseorang yang diisyiharkan muflis sekiranya mempunyai harta selain harta yang disebat sama ada harta tersembunyi atau seumpamanya, maka harta tersebut wajib dizakatkan sekiranya cukup nisab dan genap tempohnya setahun.
- iii. Sekiranya individu yang telah diisyiharkan muflis tidak mempunyai sumber pendapatan lain pada ketika itu, maka dia layak untuk menerima zakat di bawah asnaf *al-Ghārimīn* dengan syarat-syarat seperti berikut;-
 1. Hendaklah orang yang berhutang itu mempunyai keperluan untuk memiliki harta yang dapat melunaskan hutang-hutangnya. Dan apabila dia menjadi kaya dan mampu untuk melunaskan semua hutangnya dengan harta yang dimiliki, maka dia tidak layak untuk menerima zakat.
 2. Hendaklah hutang yang ditanggung itu dalam urusan ketaatan atau perkara yang diharuskan. Sekiranya dia berhutang untuk tujuan yang maksiat, maka tiada bahagian zakat untuknya kerana ia sama seperti menolongnya berbuat maksiat kepada Allah SWT. Hutang yang ditanggung hendaklah hutang semasa yang memerlukan pelunasan pada waktu itu. Sekiranya hutang tersebut bertempoh maka pendapat yang sah seperti yang dinyatakan oleh Imam an-Nawawī adalah tidak diberikan zakat. (Fatwa Negeri Sarawak: Hukum Pengeluaran Dan Penerimaan Zakat Bagi Yang Telah Diisyiharkan Muflis bertarikh 13 Jul, 2010 di www.e-fatwa.gov.my dicapai pada 10 November 2016)

3. Negeri Terengganu

Jawatankuasa ini berpendapat bahawa hutang yang dimaksudkan di sini terbahagi kepada dua iaitu hutang peribadi (hutang keperluan asas) dan hutang untuk kepentingan umum (maslahah umum). Di antara hutang-hutang peribadi (keperluan asas) ialah seperti berikut :

- i. Berhutang kerana memberi nafkah seperti makan minum, pakai dan tempat kediaman.
- ii. Berhutang kerana pembelajaran anak-anak seperti untuk membeli persediaan persekolahan anak-anak yang dimestikan.
- iii. Berhutang kerana rawatan diri, tangungan dan termasuk upah bidan.
- iv. Berhutang kerana ditimpa kemalangan seperti berlaku kebakaran, rumah musnah kerana ribut besar dan sebagainya.

Cara pembayaran di atas diberi :

- i. Segala pembayaran terpulang kepada pihak pentadbiran tetapi tidak boleh melebihi kadar keperluan yang dihajati oleh seorang yang berhutang itu.
- ii. Jawatankuasa ini juga berpendapat elok diberi hutang secara *al-Qard al-Hasan* dari *sinfāl-Ghārimīn* kepada pemohon yang ingin mengelakkan dirinya dari muamalah secara riba dari bank-bank yang ada sekarang dan pihak pentadbiran bolehlah mengadakan suatu peraturan dalam melaksanakan skim ini.

Hutang-hutang kerana maslahah umum. Di antaranya ialah :-

- i. Hutang kerana untuk mendamaikan persengketaan yang berlaku di antara orang-orang Islam.
- ii. Hutang-hutang kerana membaiki masjid-masjid, surau-surau dan peralatan-peralatannya termasuk untuk menjelaskan bil-bil elektrik dan air masjid-masjid/surau-surau.

Jawatankuasa ini berpendapat bahawa sewaktu membuat pembayarannya pihak pentadbiran hendaklah memastikan bahawa bayaran dibuat kepada orang-orang yang berhutang. Tidak kepada pemberi hutang.

iii. Hutang-hutang kerana '*Tajhīr Janāzah*' (Pengurusan Jenazah) sekadar yang wajib.
Jawatankuasa ini berpendapat bahawa pembayarannya hendaklah dibuat setelah selesai pengurusannya dan butir-butir perbelanjaan hendaklah dikemukakan kepada pihak pentadbiran.
iv. Lain-lain hutang yang difikirkan munasabah oleh pihak pentadbiran bagi kepentingan umum.

Pengertian *al-Qarḍ al-Hasan* termasuklah juga orang-orang yang diterima masuk ke Pusat Pengajian Tinggi, sedangkan proses biasiswanya atau pinjamannya memakan masa manakala dia memerlukan wang segera. Oleh itu bolehlah orang berkenaan dibantu di bawah *al-Qarḍ al-Hasan* ini.

Dalam butir (iv) ayat berbunyi 'Lain-lain hutang yang difikirkan munasabah oleh pihak pentadbiran bagi kepentingan umum' ditukar kepada 'Lain-lain hutang yang difikirkan munasabah yang diluluskan oleh syarak bagi kepentingan umum.' (Fatwa Negeri Terengganu 24 Jun, 1990 Cadangan skim bantuan zakat di bawah Sinf Al-Gharimin (Skim Zakat kepada Orang Yang Berhutang) di www.e-fatwa.gov.my dicapai pada 10 November 2016)

Kesimpulan

Keseluruhanya dapat dirumuskan bahawa agihan zakat terhadap asnaf *al-Ghārimīn*sangat perlu dilaksanakan pada masa kini khususnya oleh institusi-institusi zakat bagi menyelesaikan masalah asnaf yang memerlukan. Tujuan utama pengagihan zakat terhadap asnaf *al-Ghārimīn*ialah untuk memastikan mereka dapat keluar daripada belenggu hutang yang dihadapi. Oleh itu, Allah SWT telah meletakkan asnaf ini sebagai salah satu daripada lapan asnaf yang layak menerima zakat. Ulama telah membahaskan secara mendalam tentang pengagihan zakat terhadap asnaf *al-Ghārimīn*. Syarat-syarat agihan dan kadar agihan terhadap asnaf *al-Ghārimīn*telah digariskan oleh para ulama supaya objektif pengagihan zakat terhadap asnaf ini tercapai.Di Malaysia, beberapa institusi zakat telah melihat perkara ini sebagai penting dengan mengambil langkah proaktif berhubung pelaksanaan agihan zakat terhadap asnaf *al-Ghārimīn*melalui kaedah *al-Qard al-Hasan* seperti di Negeri Selangor dan Negeri Terengganu. Ini merupakan langkah yang sangat positif dan dilihat sangat realistik bagi menyelesaikan isu-isu masa kini yang dihadapi oleh asnaf *al-Ghārimīn*.

Melihat kepada isu mutakhir seperti isu peningkatan kadar individu muflis di Malaysia, maka pengagihan zakat terhadap asnaf *al-Ghārimīn*ini sangat perlu diberi perhatian. Pelaksanaan Hukum Pengeluaran Dan Penerimaan Zakat Bagi Yang Telah Diisyiharkan Muflis sebagaimana dilaksanakan oleh Negeri Sarawak adalah sangat signifikan untuk dicontohi oleh institusi-institusi zakat negeri lain. Antaranya dengan menetapkan syarat agihan zakat terhadap individu muflis. Langkah inidilihat selaras dengan aplikasi *maqasidsyariah* agihan zakat khususnya terhadap asnaf *al-Ghārimīn*. Walaubagaimanapun, agihan zakat bagi menyelesaikan isu-isu semasa asnaf *al-Ghārimīn* seperti mangsa bencana alam dan isu ancaman ceti haram kurang diberi penekanan oleh institusi-institusi zakat di Malaysia. Oleh itu, institusi-institusi zakat di Malaysia perlu melihat keperluan penyelesaian isu-isu sebegini menerusi amalan agihan zakat terhadap golongan berkenaan kerana isu-isu ini dilihat serius dalam kalangan umat Islam dan wajar diselesaikan segera.

Rujukan

- Abdul ḤamidIbrahīmi (1997) *al-‘Adālah al-Ijtīmā‘iyyah wa al-Tanmiyah fī al-Iqtīṣād al-Islāmī*. Beirut: MarkazDirāsat al-Wahdah al-Arabiyyah.
- Abdullah Basmeih. (1980). *Tafsir Pimpinan ar-Rahman Kepada Pengertian al-Quran*. Terengganu: Percetakan Yayasan Islam Terengganu
- Al-‘Ānī, Khalīd‘Abd al-Razāq. (1999). *Maṣārif al-Zakāh Wa Tamlikuhā Fi Daw’ al-Kitāb Wa al-Sunnah*. ‘Ammān: DārulUsāmah.

- Al-Ardubaili, Imām Yūsuf (1427H). *al-Anwar li 'Amal al-Abrar*. Jil.1. Kuwait: Dār al-Diyā' Al-Balkhī, Niżām al-Dīn, et. al. (1310H). *Al-Fatāwā al-Hindiyah..* Kaherah: Dār al-Fikr.
- Al-Buhūtī, Mañṣūr Ibn Yūnus Ibn Idrīs al-Hanbālī. (1982). *Kashf al-Qina' 'An Matn al-Iqna'*. Beirut: Dār al-Fikr
- Al-Dusūqī, Muḥammad Ibn Aḥmad Ibn 'Irfah al-Mālikī. (1996). *Hāsyiah al-Dusūqī*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah
- Al-Husaini, Abu Bakr Muhamad al-Husaini (1994) *Kifāyah al-Akhyār fī Ḥilli Ghāyah al-Ikhtīṣār*. Beirut: Dar al-Ma'rifah
- Al-Jaśās, Abī Bakar Aḥmad Ibn 'Alī al-Rāzī. (320H). *Aḥkām al-Qurān*. Kaherah: Dar al-Mashaf.
- Al-Kharsy, Abī 'Abdullah Muḥammad. (1101H). *Al-Kharsy 'Alā Mukhtasar al-Khalīl*. Beirut: Dār al-Şadr
- Al-Mardāwī al-Hanbālī, Abī al-Ḥasan Ibn Sulaimān. (1375H). *Al-Inṣāffī al-Rajīḥ Min al-Khilāf*. Kaherah: Matba'ah al-Sunnah al-Muḥammadiyyah.
- Al-Maṣṭrī, Rafiq Yūnus (2005) Maṣraf al-Ghārimīn Wa Atharuhu Fi al-Takāful al-Ijtīmā'i. Dalam *Majallah Jamī'ah al-Malik Abd al-Azīz al-Iqtisad al-Islāmi*. Bil. 18. No.1.
- Al-Mirghanani, Burhanuddin Ali Ibn Abi Bakar (2000) *Al-Hidayah Syarh Bidayah al-Mubtadi*. Kaherah: Dar al-Salam
- Al-Nawawī al-Dimasyqī, Abī Zakariyā Ibn Syarf. (1964). *Raudah al-Ṭālibīn*. Beirut: al-Maktabah al-Islami
- Al-Nawawī al-Dimasyqī, Abī Zakariyā Ibn Syarf. (2001). *Al-Majmū' Syarh al-Muhadhab*. Beirut: Dar Ihya` al-Turāth al-Arabi
- Al-Nawawī al-Dimasyqī, Abī Zakariyā Ibn Syarf. (676H) *al-Manhāj Syarh Shāhīh Muslim Ibn Hajāj*. Beirut: Dār al-Fikr
- Al-Nisabūri, Abū Husain al-Muslim Ibn al-Hajaj al-Qusyairy (1992). *Al-Jāmi' al-Sāhih*. Kaherah: Dār al-Fikr.
- Al-Qaraḍāwī, Yūsuf. (1999). *Fiqh al-Zakāh Dirāsah Muqāranah Li Aḥkāmihā Wa Falsafatihā Fi Ḏaw' al-Qurān Wa al-Sunnah*. Beirut: Mu'assasah al-Risālah
- Al-Qurṭubī, Abī 'Abdullah Muḥammad Ibn Aḥmad al-Anṣārī. (2006). *Jamī' Li al-Aḥkām al-Qur'ān*. Beirut: Mu'assasah Risālah
- Al-Syāfi'e, Muḥammad Ibn Idrīs. (1961M). *Al-Umm*. Kaherah: Maktabah al-Kulliyyāt
- Al-Syarqāwī , Abdullah Hijazilbn Ibrahim (2015) *Hāsyiah al-Syarqawi 'Alā Tuhfah al-Tullāb*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Hairunnizam Wahid et. al. (2010). Pengagihan Zakat Oleh Institusi Zakat kepada Lapan Asnaf: Kajian Di Malaysia. Dalam *Jurnal Pengurusan JAWHAR*. Bil. 4. No. 1
- Hasan Uthman Abdullah (1989) *al-Zakah al-Dhaman al-Ijtima'i al-Islami*. Kaherah Dar al-Wafa'.
- Ibn al-Athīr, 'Izzudin Abī al-Ḥasan. (t.t). *Al-Nihāyah Fi Gharīb al-Hadīth Wal Athār*. Kaherah: Dār Ihya` al-Kutub
- Ibn Ḥummām, Kamal al-Dīn Muḥammad Ibn 'Abdul Wahīd al-Sayūṭī. (2013). *Fath al-Qādīr*. Jil. 2. Dimasyq: Maktabah Ṭalib al-'Ilm.
- Ibn Mundhir, Muḥammad Ibn Ibrāhīm (2004) *al-Ijmā'*. Kaherah: Dar al-Muslim li al-Nasyr wa al-Tauzi'.
- Ibn Qudāmah, Abū Muḥammad 'Abdullah Ibn Aḥmad. (2004). *Al-Mughnī*. Kaherah: Dār al-Hadīth
- Mahmūd Abū Sa'ud (1992) *Fiqh Zakāh al-Mu'āşir*. Kuwait: Dār al-Qalam.
- Mujaini Tarimin. (2005). Golongan Penerima Zakat : Agihan Dana Zakat Secara Lebih Berkesan. Shah Alam: UiTM
- Raziah Md Tahir dan Syarifah Md Yusof (2014) Status Individu Muflis dalam Asnaf Al-Gharimin. Dalam *International Journal of Business and Technopreneurship Volume 4, No. 3, Oct 2014*.
- Siti Fariza Muhammad Fisal (2015) Agihan Zakat Mangsa Banjir: Kaedah Fiqh Dan Penentuan Kadar Bantuan. Dalam *E-Prosiding Seminar Zakat Peringkat Kebangsaan 2015 Isu Kontemporari Agihan Zakat Di Malaysia*.
- Syed Qutub. (1970). *Tafsīr Fi Zilāl al-Qurān*. Beirut: Dār al-Syurūq.
- Warta Kerajaan Negeri Selangor bertarikh 7 Oktober 2004 Fatwa di bawah Seksyen 47 "Masail Asnaf al-Gharimin dan Penyelesaiannya".